

**MASALAH KEMASUKAN BURUH INDONESIA
KE MALAYSIA
KAJIAN KES DI MELAKA TENGAH**

DISEDIAKAN UNTUK:

**PUAN JASMINE AHMAD
PENSYARAH PAD 355**

DISEDIAKAN OLEH:

ABD. RAHMAN ABDULLAH	88688021
HASLINDATUL IKMAR KHISHAM	88663168
NOR ZAHARAH TALIB	88663070
SHAKIRAH OTHMAN	88672960

DIP. PENTADBIRAN AWAM 06

30 OKTOBER 1991

	i
ISI KANDUNGAN	M/S
DAFTAR ISI KANDUNGAN	i
PENGHARGAAN	ii
BAB 1	
1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 OBJEKTIF	4
1.2 ANDAIAN	5
1.3 HIPOTESIS	8
1.4 ULASAN KEPUSTAKAAN	11
1.5 SKOP PENYELIDIKAN	23
1.6 METHODOLOGI	24
1.7 MASALAH DAN SEKATAN	28
BAB 2	
2.0 PENEMUAN DATA	30
2.1 KAEDAH TEMUBUAL	31
2.2 KAEDAH SOAL SELIDIK	45
2.3 KAEDAH PEMERHATIAN	50
BAB 3	
3.0 ANALISA DATA	52
3.1 HIPOTESIS 1	52
3.2 HIPOTESIS 2	55
3.3 HIPOTESIS 3	60
3.4 HIPOTESIS 4	65
BAB 4	
4.0 CADANGAN, RUMUSAN DAN KESIMPULAN	69
4.1 CADANGAN-CADANGAN	69

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Bersyukur ke hadrat Allah, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kami menyiapkan Kertas Projek (PAD 355). Kertas Projek ini merupakan subjek wajib bagi pelajar-pelajar Semester 06 Diploma Pentadbiran Awam.

Dalam usaha untuk menyiapkan kertas projek ini, kami telah menjalankan penyelidikan awal melalui bahan-bahan bacaan seperti majalah dan surat khabar. Kami juga telah mendapat bantuan dan tunjuk ajar daripada pihak-pihak tertentu. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Puan Jasmine, pensyarah PAD 355 yang telah banyak memberi bantuan, dorongan dan tunjuk ajar sehingga kami dapat menyiapkan kertas projek ini. Tidak dilupakan juga buat pihak Polis dan Imigresen yang telah memberi maklumat dan data yang dapat membantu kami melengkapkan kajian ini.

Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,

(Abdul Rahman Abdullah)

(Shakirah Othman)

(Haslindatul Ikmar Khisham)

(Nor Zaharah Talib)

1.0 PENDAHULUAN

Dari masa ke semasa, kemasukan orang-orang Indonesia ke Malaysia sama ada mengikut prosedur yang betul atau tidak semakin meningkat bilangannya. Ini dapat dilihat melalui tinjauan yang telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu seperti pihak-pihak media massa dan pihak berkuasa.¹

Secara umumnya, tinjauan yang telah dibuat oleh pihak-pihak ini mendapati bahawa kemasukan buruh Indonesia ke Malaysia adalah disebabkan oleh faktor luaran (di Malaysia) dan faktor dalaman (di negara asal mereka). Sebagai contoh faktor luaran di Malaysia adalah seperti peluang-peluang pekerjaan yang banyak terdapat di negara ini. Manakala faktor dalaman pula boleh dilihat dari sudut pertambahan penduduk yang pesat di Indonesia yang menyebabkan orang Indonesia semakin berminat untuk datang ke negara ini..

Pertambahan bilangan pendatang Indonesia menyebabkan timbulnya rungutan penduduk tempatan kerana mereka terpaksa berhadapan dengan masalah-masalah yang dibawa oleh buruh-buruh ini. Sebagai contoh, kurangnya peluang pekerjaan di kalangan penduduk tempatan yang menyebabkan timbulnya masalah pengangguran dan masalah-masalah sosial

seperti jenayah, persetingganan dan lain-lain.

Berita Harian (11 Jun 1991, halaman 10) pernah melaporkan tentang kemasukan buruh Indonesia ke negara ini serta hubungkaitnya mengenai persoalan sama ada pekerja asing yang bekerja di negara ini patut dikenakan cukai atau levi. Apa yang perlu diberi perhatian lagi ialah kemasukan buruh Indonesia menimbulkan masalah sosial sebagaimana yang dilaporkan dalam **Berita Harian (3 Jun 1991, halaman 8)**, di mana seramai 844 orang pendatang haram telah ditahan berhubung kemasukan secara haram ke negara ini dan bersabit dengan kesalahan dadah. Persoalan seperti ini semakin perlu untuk diberi perhatian.

Dalam usaha Malaysia menuju ke arah pencapaian matlamat wawasan 2020 dan negara berteknologi tinggi (High Technology) keperluan untuk mendapatkan tenaga buruh yang ramai dan murah semakin mendesak.

Hal ini boleh menggalakkan lagi kemasukan buruh dari luar khususnya dari Indonesia dan boleh menjejaskan peluang-peluang pekerjaan di kalangan tenaga buruh tempatan. Oleh sebab itulah isu ini penting untuk dikaji dengan lebih lanjut bagi memahami faktor-faktor kemasukan dan masalah yang